

NOUMEA IBU NEGARA NEW CALEDONIA

Maka, kami pun berpijak di tanah pejal – tiada lagi getar dan ayunan ombak. Kami turun di pelabuhan untuk kapal persiaran dan juga kapal kontena yang memunggah barang-barangnya yang disusun tinggi. Penumpang yang telah menempah *tour* akan menaiki terus bas yang akan membawa mereka berkeliling melihat pulau Grande Terre ini. Kita hanya punya waktu sampai pukul 5 petang. Malamnya kapal belayar lagi menuju destinasi seterusnya.

Pertamanya, kami melalui kotanya. Saya suka kota ini yang terdiri daripada bangunan yang hanya setingkat atau dua tingkat tingginya. Mata kita tidak dipancung oleh simen konkrit pencakar langit yang menutup sebahagian besar pemandangan dan hak kita, iaitu hak kita terhadap pohon, awan dan udara – segalanya yang alamiah – yang kini menjadi sangat langka di ratusan kota dan negara di dunia. Maka itu, kaki langit pun beranjak lebih jauh dan ruang pun membesar, membenarkan kami menikmati seluruhnya di depan mata dan jasad kami.

Noumea ialah kota Perancis yang dibina oleh Perancis, menurut bayangan kotanya di negeri asal mereka. Oleh hal yang demikian, sebahagian besar daripada bangunannya berbentuk Perancis. Namun begitu, di sini kebanyakan bangunannya lebih sederhana, serta dalam bentuk dan saiz yang fungsional pula. Simen kolonial agak tebal, mungkin untuk menunjukkan kepada penduduk Grande Terre bahawa mereka lebih kuat, kukuh dan dapat mempertahankan diri dengan mudah. Semuanya lebih besar, tebal dan kukuh berbanding bangunan peribumi.


Tempat berhenti pertama kami ialah sebuah gereja Katolik yang tertua di pulau ini, malah negara ini. Bangunannya sederhana dan tanpa hiasan melainkan di tingkap yang terbuat daripada kaca warna-warni yang dipotong mengikut reka bentuk dan watak yang ingin diberikan kehadirannya. Ruangnya cukup besar



Peta taman alam Parc Ouen Toro.



Peta Teluk L'Anse Vata.




Gereja awal ini sederhana, diperbuat daripada simen dan kayu.

dan panjang, serta mencukupi untuk penduduk di kawasan itu. Kolonialisme Perancis, Inggeris dan Belanda, semuanya datang dengan kapal untuk merebut kuasa, dan setelah itu, merebut warga daripada agama aslinya. Projek ini sangat berjaya di seluruh dunia, bermula dari Asia, Amerika Latin, hinggalah ke Afrika.

Setelah sekitar setengah jam, kami pun keluar ke hijau dan biru Grande-Terre. Saya terpegun oleh pohon-pohon yang kelihatan unik dan cantik. Ditaksirkan bahawa 80 peratus daripada pohonan di pulau ini terdapat hanya di sini sahaja – dalam maksud spesiesnya endemik. Sementara itu, ada sebatang dua yang berbunga dan berbuah, seperti sena, tetapi daripada spesies lain. Saya mengutip sepapan buahnya untuk dibawa pulang, tetapi saya juga berasa risau akan ditahan di Sydney nanti kerana membawa pohon atau sebahagian daripadanya ke Australia, yang sangat ketat menjaga sempadan biologinya. Oleh sebab itu, saya berteman dengan buahnya beberapa hari dan setelah melepaskannya pulang ke buminya.


Secara umumnya, walaupun pulau ini menyimpan puluhan spesies yang endemik, namun terdapat beberapa jenis pohon yang agak sama dengan yang kita lihat di Malaysia, iaitu petai belalang, remungai dan pastinya kelapa yang disuburkan laut dan rebut khatulistiwa.




Alam di depan memanjang luas dan pemandangan dihiaskan oleh pulau yang rendah dan hijau.



Balai di taman botanikal Place des Cocotier.



Rumah yang mempunyai bentuk mesra alam.



Kapal layar di pantai Promenade Pierre-Vernier.

Kami tidak lama di sana, dan terus menuju sebuah pantai terkenal, iaitu Promenade Pierre-Vernier.

Sebelum itu, mata saya mencari rumah peribumi yang melukis budaya dan bahan tempatan. Hampir tiada yang kelihatan di kawasan ini. Tetapi saya menemui sebuah rumah yang tua di celah rumah-rumah konkrit, bersebelahan dengan gereja tadi. Rumah atau gudang ini diperbuat daripada kayu, buluh, nipah dan rotan. Semuanya diambil dari alam yang diperkirakan yang paling sesuai dengan cuaca dan angin, serta udara asinnya.

Nampaknya seperti di Malaysia juga, penduduk tempatan di sini telah meninggalkan bentuk rumah leluhur mereka yang sejuk dan mesra alam untuk memilih bentuk Eropah yang bergengsi dan menandakan budaya baharu dan "moden" pemiliknya. Saya hanya melihat bangunan ini dari jalan, seperti sebuah gudang atau tempat pertemuan suku. Tetapi sangat dekat dengan alam – yang tidak ditebang tetapi diajak menyejukkan suasana dan udara. Tiada yang lainnya.

Seterusnya, kami sampai ke suatu jalur pantai yang dideretkan oleh dua baris kelapa yang disusun rapi yang belum pernah saya melihat susunan begini. Yang ada kebiasaannya

sederet hanya, dan dua deret begini memberikan kegagahan lebih luar biasa dan dua kali lebih indah.

Sebenarnya, terdapat sebuah *promenade*, atau laluan yang cantik di sini. Di bawahnya, kita dapat bersiar-siar di samping sebatang jalan yang agak besar. Kesannya juga cukup tenang pada mata dan perasaan. Alam di depan memanjang luas dan pemandangan kita dihiaskan oleh pulau-pulau rendah dan hijau. Pantai ini juga menjadi pilihan masyarakat Melanesia – jarang saya lihat orang putih di sini. Tetapi, yang dipilih oleh mereka yang paling cantik pemandangannya, walaupun ada kesan bahawa pantainya sedang dihakis secara terus-menerus, disebabkan oleh pemanasan dunia.

Kami berhenti agak lama di sini untuk mencicipi asin laut dan anginnya, dan untuk makan tengah hari. Tiada yang luar biasa – makanannya bercita rasa Eropah. Dari sana kami mengelilingi pulau lagi dan melewati juga penempatan serta pekan-pekan kecil. Yang paling dramatik, kami memanjat Parc Ouen de Toro, sebuah taman alam yang dibina di tebing bukit, yang




Pokok Semarak Api yang berpawai di ranting tertingginya, warnanya merah dan garang.

menganugerahkan pemandangan indah dan luas, biru dan hijau.

Pada masa ini, saya berasakan bahawa dada saya benar-benar menjadi lapang. Tiada sesak di jalan yang harus diharungi, dan tiada bangunan tinggi yang harus dilewati. Di kejauhan laut, pulau-pulau berdandan biru bersih dan hijau temaram.

Dari sana, kami menuruni bukit dan meneruskan lagi perjalanan ke sebuah lagi taman yang juga menganugerahkan teluk biru, iaitu Teluk L' Anse Vata. Inilah sudut dan sifat yang luar biasa di pulau-pulau yang terjadi dari lahar dan karang ini. Pulau muncul secara berangkaian dan apabila tersusun di tepi teluk, maka yang dilihat juga cukup menakjubkan dengan kecantikannya.

Dari sana, kami pulang ke kapal. Kami melalui medan kotanya yang berkerusi dan dilindungi daripada panas matahari oleh pohon kelapa dan pohon-pohon



Pemandangan dari atas tebing dan bukit di Parc Ouen de Toro.



Pantai Promenade Pierre-Vernier.

lainnya yang rendah. Inilah Place des Cocotier, atau Medan Kelapa. Taman botani ini cukup luas – empat hektar seluruhnya, dan di sinilah kita dapat melihat semua pohon yang endemik dan juga yang tidak.

Di sinilah penduduk datang berhibur dan mendengar muzik pada hujung minggu. Di antara setiap bangunannya, terdapat jeda yang melapangkan dan menenteramkan. Pulau ini bukan pulau yang gila dengan pembangunan atau kekayaan, tetapi pulau untuk menikmati hidup yang lebih perlahan dan lebih manusiawi. Ah! Betapa saya suka akan suasana pulau dan kota ini. Lelah setahun dapat terlerai dalam sehari.